

Najib Puas Hati Dengan Kabinet Sekarang

Bernama

Jun 25, 2014

PUTRAJAYA, 25 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Rabu berkata beliau berpuas hati dengan barisan Kabinet sedia ada yang tidak memerlukan beliau untuk mengadakan rombakan besar.

Tambahan pula, katanya, barisan Kabinet beliau hanya dibentuk kira-kira setahun lalu.

"Kabinet sedia ada hanya dibentuk baru saja setahun, kita perlu beri mereka masa untuk berkhidmat dan kita akan kaji semula jika perlu apabila tiba masanya," katanya pada sidang media mengumumkan pelantikan baharu dalam Kabinet beliau di sini pada Rabu.

Pelantikan itu melibatkan tiga jawatan menteri dan tiga timbalan menteri terdiri daripada pemimpin parti komponen Barisan Nasional MCA dan Gerakan.

Mereka ialah Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai sebagai Menteri Pengangkutan, Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong dan Timbalan Presiden MCA Datuk Wee Ka Siong masing-masing sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Turut dilantik ialah tiga naib presiden MCA - Datuk Lee Chee Leong sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong sebagai Timbalan Menteri Kewangan dan Datin Paduka Chew Mei Fun sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Dalam kenyataan Najib pada sidang media itu, Yang di-Pertuan Agong memperkenankan pelantikan Chew sebagai anggota Dewan Negara selama tiga tahun mulai Rabu.

Najib menjangkakan mereka yang baru dilantik dalam barisan Kabinet itu akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan baik.

"Ini merupakan kerajaan Barisan Nasional, oleh itu walaupun kita mewakili parti komponen masing-masing, dalam masa yang sama kumpulan etnik kita juga, tapi

jangan lupa kepada tanggungjawab yang lebih besar lagi iaitu kita secara keseluruhannya ialah sebuah kerajaan BN, jadi kita perlu mengambil kira kepentingan semua komuniti," katanya.

Najib berkata pembesaran Kabinet akan membawa kepada perbincangan yang lebih bermakna di peringkat Kabinet kerana mereka akan berupaya mendapat pandangan yang lebih luas dan pelbagai.

Beliau juga mahu memastikan saiz Kabinet tidak akan menjadi masalah dari segi membuat dan melaksanakan sebarang keputusan.

Mengenai operasi mencari pesawat Malaysia Airlines MH370 yang hilang memandangkan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein tidak lagi memegang jawatan menteri pengangkutan, Najib berkata perbincangan akan diadakan antara Hishammuddin dan Liow mengenai tindakan seterusnya berhubung MH370.

Sementara itu berhubung kekosongan kerusi timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berikutan peletakan jawatan P.Waytha Moorthy, beliau berkata tiada keperluan untuk mengisi kekosongan itu.

Beliau berkata ini kerana terdapat satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Hal Ehwal kaum India dan semua menteri serta timbalan menteri yang mewakili kaum India telah diberi tugas dan tanggungjawab masing-masing secara terperinci.

"Satu unit juga telah diwujudkan di JPM untuk membantu dari segi memantau keputusan dan cadangan baharu kepada pihak kerajaan, jadi masalah kaum India tetap diberi perhatian berat oleh kerajaan," katanya.

Mengenai pertambahan timbalan menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Najib berkata terdapat keperluan untuk pelantikan itu bagi menangani tugas-tugas tertentu terutama isu berkaitan kaum.

Misalnya pelantikan Chew sebagai timbalan menteri KPWKM jelas beliau adalah termasuk untuk berurusan dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terdiri daripada kaum Cina.

Pelantikan Chua sebagai Timbalan Menteri Kewangan boleh membantu berurusan dengan usahawan kecil dan sederhana yang banyak terdiri daripada kaum Cina, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049205>